

18 SEP 2003

Sapura-Aids/I

SAPURA SUMBANGKAN RM150,000 BAGI KEMPEN YAYASAN AIDS

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Kumpulan Sapura bergabung tenaga dengan Yayasan Aids Malaysia (MAF) bagi menyokong acara terbaru mereka, Cabaran Futsal Red Ribbon 2003, menerusi sumbangan RM150,000.

Sapura ialah penaja rasmi Cabaran Futsal Red Ribbon 2003.

Semasa bercakap selepas majlis penyampaian cek oleh Sapura kepada MAF, Ketua Pegawai Operasi Sapura Telecommunications Bhd, Rodzlan Akib Abu Bakar berkata sumbangan RM150,000 itu akan digunakan bagi penganjuran acara berkenaan, hadiah wang tunai dan juga trofi.

Kumpulan Sapura ialah organisasi berasaskan teknologi milik Malaysia 100 peratus dan perniagaannya termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta pertahanan.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, yang menerima cek itu bagi pihak MAF berkata cabaran Futsal akan menyaksikan pasukan-pasukan bertarung bagi merebut hadiah bernilai RM20,000 dalam bentuk wang tunai dan trofi.

"Futsal merupakan sukan di gelanggang tertutup yang semakin popular di kalangan peminat-peminat sukan di Malaysia," katanya.

"Cabaran Futsal Red Ribbon 2003 selama dua hari, yang akan diadakan pada 4 dan 5 Okt, mensasarkan untuk mengutip RM200,000 bagi menjalankan program HIV/AIDS," kata Marina.

Semua perlawanan akan berlangsung di padang Sports Unlimited, Lot 14, Jalan Bersatu 13/4, Petaling Jaya mulai 9 pagi pada kedua-dua hari berkenaan.

Perlawanan dibahagikan kepada tiga kategori: Premier untuk lelaki dan wanita berumur 25 tahun ke atas; Star bagi lelaki dan pasukan campuran lelaki serta perempuan berumur 17 hingga 24 tahun; dan Junior bagi lelaki serta pasukan campuran berumur 16 tahun ke bawah.

-- BERNAMA

CL AHH ROS